

**NO. SOALAN: 135**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI  
DATO' OTHMAN SAID [ PENGERANG ]**

**RUJUKAN : 7653**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah pihak Kementerian sedang meneliti pelaksanaan hukuman sebat mandatory untuk dikenakan ke atas ejen serta pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen yang bersekongkol dengan ejen sekiranya didapati bersalah membawa masuk pekerja asing secara haram ke Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian pada masa ini sedang merangka satu pelan penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) secara holistik sebagaimana yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 19 Januari 2015. Pelan tersebut merangkumi kajian semula dasar dan perundungan termasuk prosedur operasi *standard*, struktur tadbir urus (*line of governance*) dan penguatkuasaan secara berterusan.**

**Buat masa ini, Kementerian dan agensi-agensi berkaitan sedang meneliti semula hukuman penjara tidak melebihi enam (6) bulan kepada hukuman penjara mandatori bagi Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/63 yang melibatkan kesalahan melanggar atau gagal mematuhi syarat pas.**

**Bagi menangani salahlaku Pegawai Imigresen dan ejen yang terlibat dalam kemasukan PATI di negara ini, Kerajaan akan menggunakan undang-undang sedia ada antaranya di bawah Seksyen 383 dan 384 Kanun Keseksaan iaitu barang siapa melakukan pemerasan hendaklah dihukum dengan penjara bagi tempoh sehingga sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan rotan, atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu.**